



## 106<sup>7</sup> FAKTOR PELAJAR DALAM KEJAYAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MASJID

Md Noor Bin Hussin<sup>1</sup>, Saifullah Bin Samsudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

Corresponding Author: Md Noor Bin Hussin. Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0192574118. Email:

[mdnoor@kuis.edu.my](mailto:mdnoor@kuis.edu.my)

### Abstrak

*Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu yang sangat penting dan perlu dipelajari oleh semua peringkat. Bahasa arab bukan sahaja diajarkan di institusi-institusi pendidikan secara formal, tetapi juga turut diajarkan secara tidak formal kepada masyarakat awam di masjid-masjid atau surau-surau. Kajian yang telah dijalankan telah mengenalpasti beberapa faktor utama yang membawa kepada kejayaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dikalangan masyarakat awam di masjid. Justeru, makalah ini dikemukakan untuk membincangkan secara terperinci salah satu faktor utama kejayaan tersebut, iaitu pelajar.*

**Kata Kunci:** *Faktor, Pelajar, Kejayaan, Pembelajaran, Bahasa Arab*

### 1. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu yang perlu dipelajari oleh semua peringkat samada secara formal atau tidak formal. Kebiasaananya Bahasa Arab diajarkan serta dipelajari di institusi-institusi pendidikan; sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi. Namun, bagi masyarakat awam, mereka tertarik dan terdorong utntuk belajar Bahasa Arab dengan penggunaan istilah Bahasa Al-Quran yang lebih dirasai kepentingan dan keperluan mempelajarinya. Rentetan itu, ia juga turut diajarkan dan



dipelajari di kalangan masyarakat awam di pelbagai premis terutamanya surau dan masjid (Md Noor, 2017).

Walaubagaimanapun, kajian yang telah dijalankan sebelum ini mendapati terdapat banyak masjid-masjid negeri dan daerah tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Justeru, kajian susulan untuk mengenal pasti faktor kejayaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Masjid Negeri dan daerah di seluruh negara perlu diadakan untuk dijadikan model bagi membolehkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di masjid-masjid negeri dan daerah yang tiada kelas Bahasa Arab. Antara faktor kejayaan pengajaran yang dikenal pasti adalah individu plajar dalam mengikuti kelas pengajaran Bahasa Arab.

## 2. Bahasa Arab dan Kepentingannya

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang amat dekat dengan masyarakat yang beragama Islam di seluruh dunia kerana Bahasa Arab adalah bahasa yang digunakan dalam ibadat-ibadat khusus seperti solat, zikir dan membaca al-Quran. Walaupun masyarakat Muslim tidak semuanya mampu bertutur malahan memahami bahasa Arab, namun medium beribadat ini telah menjadikan Bahasa Arab begitu istimewa dalam kehidupan masyarakat Muslim.

Menurut kajian daripada Azhar (2005), Hubungan Bahasa Arab dengan agama Islam istimewa dari sudut kebahasaannya. Kosa kata Bahasa Arab adalah merangkumi semua bidang dan lapangan. Perkara ini boleh diperhatikan dalam perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam kamus-kamus Arab. Dalam Bahasa Arab, pembentukan satu perkataan sahaja boleh menunjukkan kepada beberapa makna.

Bahasa Arab juga mempunyai kaedah analisis ayat (*i'rab*) yang sempurna. Analisis ini digambarkan dalam bentuk perubahan baris-baris akhir perkataan hasil daripada perubahan struktur frasa atau fungsi perkataan itu sendiri. Perubahan *i'rab* ini akan memberikan kesan kepada perubahan maksud perkataan dalam sesuatu susunan ayat.

Kajian daripada Mohd Alwee dan Mohamad Azrien (2008) menyatakan mengenai kejayaan dan kemampuan Bahasa Arab menerusi peranannya



sebagai bahasa ilmu, peradaban dan komunikasi sejak zaman pra-Islam hingga ke hari ini. Menurut pengkaji lagi, kemampuan dan kejayaan Bahasa Arab lebih menonjol setelah kedatangan Islam, iaitu bermula dengan peranan agama Islam dan pengaruh al-Quran yang sangat terkait rapat dengan Bahasa Arab di samping kemampuannya menjadi bahasa pentadbiran, bahasa ilmu pengetahuan, peradaban dan komunikasi.

Oleh sebab kemampuan yang dimiliki oleh Bahasa Arab inilah menyebabkan masyarakat memberi perhatian dan lama-kelamaan menggunakan sebagai bahasa ibunda mereka.

Kepentingan menguasai Bahasa Arab juga pernah dikupas oleh seorang Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Kesusastraan, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr Muhammad Sabri Shahrir menerusi artikel di Berita Harian. Menurut beliau kelebihan mengenali dan mempelajari struktur nahu Arab secara teori dan praktikal berserta latihannya dapat menjadikan pelajar-pelajar mampu memahami serta menghayati ayat suci al-Quran, bacaan dalam solat, doa, wirid, zikir dan sebagainya

### **3. Masjid dan Pembelajaran Bahasa Arab**

Selain melihat peranan masjid sebagai pusat pendidikan dan ilmu secara umum, satu sisi yang penting untuk dilihat dengan lebih terperinci adalah peranan masjid sebagai pusat pembelajaran Bahasa Arab. Sebagaimana yang dikupas di atas mengenai perkaitan Bahasa Arab dengan institusi masjid, kajian menyoroti beberapa kajian mengenai kedudukan masjid dalam menjadi medium pembelajaran Bahasa Arab.

Kajian daripada Md. Noor et.al (2014) yang menjalankan kajian pembelajaran Bahasa Arab di masjid-masjid sekitar Gombak, Selangor. Kajian ini mendapat terdapat enam buah masjid yang menjalankan pembelajaran Bahasa Arab di masjid dan selebihnya tidak menjalankan pembelajaran Bahasa Arab. Antara masjid yang menjalankan pembelajaran Bahasa Arab ialah Masjid Qariah Masjid Zakaria Batu 8 di Gombak Utara, Masjid Qariah Masjid Sungai Cinchin Batu 7 3/4 di Jalan Gombak, Masjid At-Taqwa Jalan 11C di Selayang Baru, Masjid Al-Mardhiyah di Taman Melawati, Masjid Al-Khairiah di Taman Seri Gombak dan Masjid As-Syakirin di Taman Kamariah.



Kajian berkaitan juga telah dijalankan melibatkan beberapa masjid negeri dan daerah di Malaysia. Kajian mendapat terdapat beberapa masjid negeri dan daerah melaksanakan kelas Bahasa Arab dengan baik. Namun terdapat juga beberapa masjid negeri dan daerah yang lain yang tidak menjalankan kelas Bahasa Arab.

Selain daripada itu, artikel daripada Utusan Online turut memuatkan mengenai pembelajaran Bahasa Arab yang dijalankan oleh Masjid al-Hasanah di Bandar Baru Bangi di bawah kelolaan A & A Consult (M) Sdn. Bhd. yang sebelum ini dikenali sebagai Darul Imtiyaz Resources. Kelas pembelajaran ini telah bermula pada tahun 2006 lagi bermula dengan tiga orang pelajar di awal operasinya, kini Pusat Bahasa Arab telah mempunyai kira-kira 200 pelajar yang mengikuti pelbagai program anjuran pusat tersebut seperti Kursus Bahasa Arab Komunikasi/Perbualan, Kursus Bahasa Arab al-Quran dan Kursus Bahasa Arab Akademik.

#### **4. Faktor Kejayaan Pembelajaran Bahasa Arab**

Perbincangan dan kajian mengenai faktor-faktor kejayaan penguasaan bahasa kedua semakin diberi perhatian dalam dunia akademik. Isu-isu yang berkaitan dengan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua mula mendapat perhatian para pengkaji pada tahun 1990-an. Boleh dikatakan bahawa kunci kepada kejayaan penguasaan bahasa kedua ini rata-ratanya adalah mengenai faktor motivasi.

Berlaku banyak perbincangan dan perdebatan para sarjana mengenai motivasi dalam menguasai bahasa kedua (Crookes & Schmidt, 1991; Ames, 1992; Dornyei, 1994; Gardner & Tremblay, 1994; Oxford, 1994; Oxford & Shearin, 1994; Dornyei, 1998; Lightbown, 1999). Motivasi dalam konteks faktor kejayaan penguasaan bahasa kedua ini dilihat mampu dipupuk menerusi beberapa faktor antaranya faktor tenaga pengajar, faktor pelajar, faktor silibus dan faktor kaedah pengajaran.

#### **5. Faktor Pelajar**

Pelajar atau peserta didik adalah faktor yang paling penting dalam proses pembelajaran sesuatu perkara. Masalah utama pelajar atau peserta didik ialah tidak wujud perasaan bersemangat yang waja dan berkobar-kobar untuk



menguasai Bahasa Arab dengan baik. Perkara ini ditegaskan dalam kajian oleh Zamri et.al (2014) yang mengatakan bahawa sikap pelajar adalah punca utama ramai pelajar bahasa Arab ketinggalan atau gagal.

Sikap dan minat terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar atau peserta didik ini boleh dipupuk menerusi elemen agama seperti yang didapati dalam kajian oleh Kaseh Abu Bakar et. al (2010). Sikap yang positif dan kehendak yang kuat untuk menguasai bahasa kedua akan memberikan tindak balas yang baik seperti akan sentiasa berusaha. Perkara ini menurut Jamaliah (2007) akan membawa ke arah kejayaan.

Kajian ini turut mendapati kebanyakan pelajar yang mengetahui matlamat mereka mempelajari Bahasa Arab adalah disebabkan keperluan Bahasa Arab itu adalah bahasa ibadah umat Islam. Kajian beliau membuktikan 96.1% pelajar bersetuju bagi item mempelajari bahasa Arab dapat memudahkan memahami al-Quran.

Manakala kajian daripada Mohammad Najib et.al. (2013) yang melibatkan responden daripada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia menunjukkan majoriti pelajar mempunyai tahap minat yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Arab. Item yang didapati memperoleh peratusan tertinggi iaitu sebanyak 98% ialah ‘keperluan mempelajari bahasa arab untuk memahami Al-Quran, As-Sunnah dan kitab-kitab turath Islam dalam akidah, tasawuf, fiqh, usul fiqh dan sebagainya.

Dapatkan ini selaras dengan kajian daripada Jamaliah (2012) yang menyatakan pelajar-pelajar perlu bersikap positif dalam menyedari kepentingan mereka mempelajari Bahasa Arab atas faktor agama misalnya dapat memahami bacaan al-Quran, meningkatkan mutu amal ibadat dan menguasai kitab-kitab turath.

Lebih-lebih lagi dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di masjid, tenaga pengajar yang menjadi aset terpenting dalam membantu masyarakat menguasai bahasa arab adalah imam masjid. Namun, apa yang boleh dilihat, imam masjid tidak memainkan peranan yang signifikan dalam soal pembelajaran bahasa arab di masjid. Perkara ini dibuktikan menerusi dapatan kajian daripada Nur Hidayati & Zamri (2014), yang mendapati bahawa imam masjid kurang mengambil berat dengan pembelajaran bahasa arab.



Bahasa Arab menjadi instrument penting bagi imam masjid untuk dikuasai bagi membolehkan imam masjid memahami teks-teks Arab dan memperkemaskan lagi bacaan dalam solat dan penyampaian khutbah dan ceramah

## 6. Perbincangan dapatan kajian

6.1. Jadual dibawah menunjukkan persepsi responden sebagai pelajar:

BI L	ITEM	ST S (% )	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	MIN	SISIHA N PIAW AIAN
1	Saya perlu mempelajari bahasa Arab	-	-	-	29.5	70.5	4.70	0.46
2	Kuliah-kuliah agama di masjid merangsang diri saya mempelajari bahasa Arab	-	1.6	-	47.5	50.8	4.48	0.59
3	Pengajian al-Quran semenjak kecil mendorong saya untuk mempelajari bahasa Arab	-	-	4.9	50.8	44.3	4.39	0.59
4	Saya akan lebih bersemangat untuk mempelajari bahasa Arab jika sekiranya rakan sekelas sering memberi kerjasama	-	-	-	47.5	52.5	4.52	0.50
5	Suasana dan persekitaran yang baik di dalam kelas	-	-	-	44.3	55.7	4.56	0.50



	meningkatkan semangat saya untuk mempelajari bahasa Arab							
6	Saya mempelajari bahasa Arab untuk memperbaiki masalah bacaan dalam ibadat harian saya	-	-	1.6	21.3	77.0	4.75	0.47
7	Melalui pembelajaran bahasa Arab, saya boleh berkomunikasi dengan penutur Bahasa tersebut	-	3.3	8.2	63.9	24.6	4.10	0.68
8	Saya mempelajari bahasa Arab untuk melancang ke negara-negara di timur tengah	3.3	11.5	32.8	46.9	6.6	3.41	0.90
9	Pembelajaran bahasa Arab membantu saya memahami al-Quran	-	-	-	21.3	78.7	4.79	0.41
10	Penguasaan kosa kata dan tatabahasa membantu saya untuk menguasai Bahasa Arab dengan baik	-	-	1.6	45.9	52.5	4.51	0.54

Jadual di atas memaparkan kesedaran responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Dapatkan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kesemua responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap perlunya mempelajari Bahasa Arab dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Skor min yang paling tinggi dalam kesepuluh item yang tersebut adalah pada item 6 ‘Saya mempelajari bahasa Arab untuk memperbaiki masalah bacaan dalam ibadat harian saya’ dengan nilai min 4.75 dan item 9 ‘Pembelajaran



bahasa Arab membantu saya memahami al-Quran' dengan nilai min 4.79. Hal ini boleh disimpulkan bahawa tujuan utama responden mengikuti kelas pengajian Bahasa Arab adalah untuk tujuan ibadat iaitu membaca al-Quran dan bacaan dalam solat. Skor min yang dicatatkan pada item 1 "Saya perlu mempelajari bahasa Arab", iaitu 4.70 menunjukkan respondan sangat menyedari keperluan mereka untuk mempelajari Bahasa Arab.

Terdapat juga item yang mencatatkan nilai min sederhana, iaitu item ke 8 "Saya mempelajari bahasa Arab untuk melancang ke negara-negara di timur tengah" dengan catatan min 3.41. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh respondan tidak menjadikan tujuan pelancongan sebagai tujuan utama pembelajaran Bahasa Arab. Bagi item 7 "Melalui pembelajaran bahasa Arab, saya boleh berkomunikasi dengan penutur Bahasa tersebut", walaupun nilai min di tahap yg tinggi, ianya sedikit rendah berbanding dengan item-item yang lain kerana aspek komunikasi bersama penutur jati Bahasa Arab juga bukan merupakan tujuan utama mereka mempelajari Bahasa Arab.

Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan bagi kesemua item berada pada tahap yang tinggi kecuali item 8 yang berada di tahap sederhana.

Skor min secara keseluruhan pula menunjukkan skor di antara 3.30 hingga 4.70 yang mana merupakan skor yang tinggi.

## 6.2 Dapatan temubual

Bahagian temu bual ini menjurus kepada pandangan tenaga pengajar mengenai faktor kejayaan pembelajaran Bahasa Arab mengikut kelas pembelajaran masing-masing. Pada pandangan kesemua tenaga pengajar, kesungguhan pelajar menjadi faktor utama kejayaan kelas pembelajaran Bahasa Arab. Rata-ratanya kelas pembelajaran Bahasa Arab di empat masjid ini telah berlangsung hampir lebih 10 tahun. Keberlangsungan kelas ini dapat diteruskan adalah disebabkan kesungguhan dan komitmen pelajar. Selain itu, berdasarkan temu bual yang dibuat, didapati kesungguhan pihak tenaga pengajar sendiri turut menyumbang kepada keberlangsungan kelas. Terdapat tenaga pengajar yang mengadakan kelas secara suka rela tanpa dibiayai atau digaji oleh pihak pengurusan masjid. Selain itu juga, faktor silibus yang mengetengahkan pembelajaran Bahasa Arab berorientasikan Al Quran menjadi faktor penguat kesungguhan pelajar-pelajar mengikuti kelas pembelajaran Bahasa Arab.



Kemudian, bahagian temu bual ini diteruskan dengan cadangan atau nasihat tenaga penagajar bagi memastikan pembelajaran Bahasa Arab berjaya. Kesemua tenaga pengajar berkongsi harapan yang sama agar pembelajaran Bahasa Arab diteruskan di lebih-lebih lagi pembelajaran Bahasa Arab berorientasikan pemahaman Al Quran. Selain itu, cadangan juga diajukan oleh tenaga pengajar agar wujud kerjasama antara pihak sekolah dan pihak masjid bersama-sama Jabatan Pendidikan Agama negeri untuk mengetengahkan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan masyarakat. Terdapat juga cadangan untuk mengadakan sistem pembelajaran Bahasa Arab di Masjid secara semester dan mempunyai ujian kefahaman. Hal ini demikian untuk menjadikan sistem pembelajaran Bahasa Arab lebih sistematik

## 7. Penutup

Faktor pelajar merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Sehubungan itu, tumpuan dan perhatian perlu diberikan kepada aspek penerapan kesedaran dan kepentingan mempelajari bahasa arab di samping mempelbagaikan pendekatan pengajaran untuk menjadikan minat dan kesungguhan pelajar semakin meningkat dari semasa ke semasa.

## Rujukan:

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi (2012), *A New Approach of Islamic Education : Mosque Based Teaching and Learning*, Journal of Islamic and Arabic Education, Bil 4, Vol 1, m/s 1-10.
- Al Muslim Mustapa & Zamri Ariffin (2015), *Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia*, ISLAMIYYAT Jilid 37, Bil 1, m/s 49 – 57.
- Azhar Bin Muhammad (2005), *Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab sebagai Bahasa Al-Quran*, Jurnal Teknologi 42(E), m/s 61-76.
- H. Salimudin A.Rahman (2007), *Tatabahasa Arab untuk Mempelajari Al-Quran*, Sinar Baru Algensindo Bandung.



Hassan Basri & Mohd Azhar (2005), *Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus: Satu Pandangan Awal*. Akses pada 1 Ogos 2018. [www.eprints.um.edu.my](http://www.eprints.um.edu.my).

Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailani (2005), *Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-Khusus: Satu Pandangan Awal*, Masalah Pendidikan, Jilid 20, m/s 233–244.

Jamaliah Rani (2007), *Sikap Dan Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Pencapaian : Satu Kajian*. Tesis Sarjana, Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Rafaai (2010), *Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis*, Gema Online - Journal of Language Studies, Bil 10, Vol 1, m/s 71-86.

Kamarul Shukri Mat The dan Mohd Hazli Yah (2008), *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Tinjauan Literatur Mengenai Tahap Penguasaan Bahasa*, DP. Jilid 8, Bil 2.

Md Noor Hussin, Ahmad Redzaudin Ghazali & Mohammad Rofian Ismail (2014), *Masjid dan Pengajaran Bahasa Arab: Kajian di Gombak Selangor*, Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqaf (IMAF 2014). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor), 1-2 December. Kuala Lumpur.

Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohd Adnan (2008), *Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu Dan Peradaban : Satu Kajian Dari Sudut Keistimewaannya*, Jurnal Usuluddin, Bil 27, m/s 157-167.

Mohd Mokhtar Shafii (2003), *Masjid Sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummah Cemerlang*, Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 10, Bil 3, m/s 41-56.

Mohamad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hamid & Hishomudin Ahmad (2013), *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama : Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia*, Ulum Islamiyyah Journal Vol 10 (June), m/s 19-29.

Mohd Puzhi, U. & Muhammad Seman. (2010), *Al-Arabiyyah li Al-Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Mohd Sabri Bin Sahrir, 2016, *Kelebihan Kuasai Bahasa Arab*. Berita Harian, 31 Mac. Akses pada 27 Julai 2018.

Naimah, et.al (2009), *Tinjauan Terhadap Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Agama (BATA) dikalangan Masyarakat Islam*, Institute of Research Development and Commercialization. UiTM.



Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim (2014), *Attitudes of Distance Learning Students at UKM's Faculty of Islamic Studies Towards Learning Arabic Language Skill Courses*, Turkish Online Journal of Distance Education, Bil 15, Vol 1, m/s 174-188.

Zuarida Mohyidin, 2010, *Masjid Jadi Pusat Bahasa Arab*, Utusan Online, 8 Februari. Akses pada 23 Julai 2018.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0208&sec=Bi\\_cara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0208&sec=Bi_cara_Agama&pg=ba_01.htm)